



PERUTUSAN

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) merupakan dokumen perancangan spatial tertinggi dalam rangka kerja perancangan pembangunan negara. Ianya memaparkan kerangka perancangan fizikal yang menterjemah dasar-dasar strategik dari pelbagai sektoral negara dalam konteks tiga dimensi.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap penyediaan dokumen RFN Ke-3 ini, saya berharap agar ianya menjadi rujukan dan **diselaraskan pelaksanaannya di semua peringkat perancangan dan pembangunan** supaya dasar yang konsisten di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan diwujudkan. Oleh itu, dokumen ini merupakan **dokumen bersama** dalam menentukan hala tuju pembangunan Negara yang lebih dinamik, seimbang dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran Negara masa hadapan.

RFN Ke-3 ini akan diterjemahkan dalam penyediaan Rancangan Pemajuan dan Penggubalan Dasar Perumahan Negara, Dasar Landskap Negara, Dasar Sisa Pepejal dan lain-lain yang akan menjadi instrumen dalam memandu pembangunan spatial bagi menangani isu-isu peringkat negara, negeri dan tempatan. Sehubungan itu, bagi memastikan RFN Ke-3 ini dapat diterjemahkan dengan lebih tepat, Kementerian ini telah menjalankan sesi rundingan dan perbincangan sebagaimana diperuntukan dalam Seksyen 6B(5) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang menetapkan bahawa menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu dalam memastikan matlamat RFN tercapai.

Kementerian ini juga yakin dengan komitmen dan kolaborasi dengan Kementerian-kementerian lain dalam usaha melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan di dalam RFN Ke-3 ini yang akan membantu mencapai sasaran **negara yang berdaya tahan dan berdaya huni** seterusnya memastikan pertumbuhan Negara yang mampan dan berterusan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia sebagai peneraju dalam perancangan fizikal Negara diharapkan dapat memantau pelaksanaan dasar yang digariskan dalam RFN Ke-3 ini. Ia seiring dengan hasrat Kementerian ini untuk mewujudkan masyarakat sejahtera dan seterusnya mencapai negara yang berdaya tahan dan berdaya huni menjelang tahun 2040.

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan